

04/05/1998

Malaysia beri pinjaman tambahan kepada Indonesia

KUALA LUMPUR, Ahad - Malaysia akan memberi pinjaman kewangan kepada Indonesia sementara menunggu Tabung Kewangan Antarabangsa (IMF) menyalurkan baki daripada pakej bantuan berjumlah AS\$43 bilion kepada negara itu, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini.

Perdana Menteri berkata, jumlah itu adalah tambahan kepada AS\$1 bilion yang diberikan Malaysia kepada Indonesia tahun lalu.

"Indonesia memerlukan bantuan kerana IMF lambat dalam menyalurkan baki daripada pakej bantuan AS\$43 bilion kepada Indonesia," katanya selepas menerima kunjungan Menteri Koordinasi bagi Ekonomi, Kewangan dan Industri Indonesia Prof Dr Ginandjar Kartasasmita di Sri Perdana, di sini.

"Ini adalah bantuan sementara...untuk menyambung tempoh itu (bantuan kewangan IMF kepada Indonesia) dan selepas menerima bantuan IMF, Indonesia akan memulangkan pinjaman itu kepada kita," katanya.

Dr Mahathir bagaimanapun tidak menyebut jumlah pinjaman itu.

"Jepun telah memberi bantuan kewangan kepada Indonesia dan memandangkan ada kekurangan, Indonesia telah meminta bantuan kita. Malaysia tidak dapat memenuhi keseluruhan permintaan itu tetapi hanya sebahagian daripadanya," katanya.

(END)